

Pengadu rasuah dilindungi akta - Azam Baki

KUALA LUMPUR: Penjawat awam akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 jika mereka kurang yakin untuk memberikan maklumat tentang rasuah yang berlaku dalam jabatan atau agensi mereka bekerja.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki berkata, di bawah akta itu, mereka akan dilindungi daripada dikenakan tindakan tidak wajar oleh ketua jabatan atau pegawai kanan susulan pende-

dahan yang dibuat.

"Kita menyeru kepada penjawat awam agar menjadi mata dan telinga dengan menyalurkan maklumat kepada SPRM kerana mereka lebih mengetahui apa yang berlaku di jabatan atau agensi masing-masing.

"Isu integriti dan salah guna kuasa perlu diberi perhatian serius kerana usaha memperbaiki budaya negatif dalam sektor awam perlu dilakukan secara dalaman dan tidak boleh dipandang remeh," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman berkata, penjawat awam perlu mengambil tahu tentang perlakuan rasuah di tempat kerja bagi mencegah perbuatan rasuah dalam perkhidmatan awam daripada menjadi barah.

Menurut Azam, amanat tersebut diberi tepat pada masanya kerana semua pihak perlu melihat kepada skop yang lebih besar dalam menangani isu rasuah dan salah guna kuasa dalam sektor awam.

"Kita sedia maklum ramai kakitangan kerajaan terpalit dengan isu rasuah dan salah guna kuasa berdasarkan rekor dalam tempoh beberapa tahun ini.

"Perkara tersebut amat membimbangkan, oleh itu, sudah tiba masanya semua pihak, khususnya penjawat awam untuk bekerjasama dengan SPRM dan tampil melaporkan aktiviti rasuah di jabatan masing-masing agar isu ketirisan dan salah guna kuasa dapat ditangani demi kepentingan semua," ujarnya.



ZAM BAKI